

15/09/1998

Kerajaan sentiasa patuhi perjanjian

JOHOR BAHRU, Isnin - Kerajaan sentiasa mematuhi dan tidak pernah mengubah perjanjian bekalan air Malaysia-Singapura yang berakhir pada 2011 dan 2061, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Sambil menolak dakwaan pemimpin veteran Singapura, Lee Kuan Yew, kononnya Malaysia `membuli dan mengugut' republik itu termasuk menggunakan isu bekalan air, Samy Vellu berkata:

"Apa yang sudah dijanjikan dan ditandatangani akan diteruskan seperti dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Menteri Kabinet yang lain. Tiada perubahan dan kita tidak pernah mencabar perjanjian yang ditandatangani itu."

Beliau berkata, Dr Mahathir juga tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan baru berhubung perjanjian bekalan air antara kedua-dua negara.

Samy Vellu yang ditemui pemberita selepas merasmikan Medilink Pharmacy Sdn Bhd di bangunan MIC di sini hari ini, mengulas laporan akhbar tempatan yang memetik kenyataan Lee dalam satu biografi yang disiarkan dalam akhbar Sunday Times negara itu, kelmarin.

(END)